

Umno terus desak MCA bukti setiakawan

BH 13 DEC 2002

**Oleh Mokhtar Alias
dan Suzianah Jiffar**

KUALA LUMPUR, Khamis – Pemimpin Umno terus mendesak supaya MCA membuktikan semangat setiakawan dalam Barisan Nasional (BN) dengan mengambil tindakan terhadap dua anggotanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang kerana melanggar prinsip berkenaan.

Mereka berpendapat MCA tidak perlu berdolak-dalik dalam isu itu, sebaliknya perlu berte gas mengambil tindakan disiplin dengan memecat mereka daripada parti itu.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, meminta MCA jangan terus mencari helah dan cuba lari daripada

isu sebenar berhubung pelanggaran semangat setia kawan yang ditunjukkan dua Adun itu.

Menteri Besar berkata, masalah dua wakil MCA itu boleh diselesaikan dengan cukup mudah iaitu memecat mereka.

Sehubungan itu, katanya, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik tidak perlu bersusah payah mengelak daripada isu sebenar, kecuali mereka mempunyai motif tertentu yang hanya diketahui parti berkenaan atau mahu melindungi Adun terabit.

“Kita juga meminta MCA mendengar peringatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa BN berkuasa menentukan parti mana yang menjadi anggotanya.

“Jadi, MCA tidak perlu tunggu lebih lama lagi, pecat saja dua

Adun berkenaan dan saya kira ini sudah dapat menyelesaikan masalah,” kata beliau ketika ditemui di majlis Hari Kualiti Jabatan Pertanian Negeri Sembilan di Port Dickson, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri yang juga Presiden BN semalam bahawa BN memang tidak boleh campur tangan dalam urusan dalaman MCA tetapi berkuasa menentukan parti mana yang menjadi anggotanya.

Sambil merujuk kes dua Adun Pulau Pinang yang berkecuali ketika menolak satu usul pembangkang, Dr Mahathir berkata, MCA dilihat sebagai tidak menyokong sistem kerjasama dalam BN.

Dua Adun berkenaan, Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan

Tan Cheng Liang (BN-Jawi) enggan menolak usul pembangkang supaya projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORK) bernilai RM1.02 bilion ditangguhkan.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman, bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir supaya semua parti komponen BN mendokong semangat kerjasama dalam komponen itu.

“Umno Sabah bersetuju dengan kenyataan Perdana Menteri itu. Apa juga tindakan yang diambil oleh pucuk pimpinan atau BN Pusat, kita akan bersetuju dan menyokongnya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis ucapan akhir tahun Yayasan Sabah (YS) dan Innoprise Corporation Sdn Bhd (ICSB) di sini.